

03/12/2003

Wan Zaleha sibuk dengan program amal

Khairull Azleyana Ishak

LAMA tidak mendengar cerita mengenai pengacara jelita Wan Zaleha Radzi yang pernah menjadi pengacara Majalah 3 tidak lama dulu.

Bagaimanapun, diam Wan Zaleha bukan diam menghilang namun sebenarnya, dia masih aktif dalam bidang penyiaran dan pengacaraan.

Pernah menjadi penerima Anugerah Kejelitaan Abadi Imedeen Plus, Wan Zaleha juga begitu sinonim dengan kejohanan sukan berkuda seperti Kejohanan Show Jumping KL Grand Prix International Horse Show di Putra Stadium, Bukit Jalil pada 2-5 Oktober lalu dan turut menjadi hos dalam program sukan di TV3 bertajuk Tribute To Champions (Sanjungan Juara).

Kini Wan Zaleha sibuk dengan program amal dan kebajikan Malaysia's Aspirations and Achievements (MAA) yang dibawakan khas oleh Asia News Broadcasting (ANB). Program khas ini ke udara setiap Sabtu, jam 9 malam di ntv7.

Antara isu yang dikupas dalam program berbahasa Inggeris ini ialah kisah sebenar dilalui sebilangan rakyat Malaysia demi untuk mencapai aspirasi dan kejayaan yang dicitakan.

Bercerita mengenai program itu, Wan Zaleha berkata orang ramai selalu memberikan tanggapan yang salah terhadap kanak-kanak spastik bahawa mereka tidak berguna langsung, Ini adalah salah kerana mereka juga seperti manusia biasa yang memerlukan kasih sayang dan perhatian daripada orang yang tersayang.

Malah, sikap ibu bapa yang sukar untuk menerima hakikat ditambah dengan sikap prejudis masyarakat, nasib dan simpati kanak-kanak spastik sering kali terbiar begitu saja.

Namun begitu, masih ada insan yang menaruh simpati dan mengambil berat terhadap golongan kanak-kanak yang tidak bernasib baik ini. Mereka adalah sekumpulan sukarelawan yang berdedikasi, sanggup meluangkan masa, wang dan tenaga dengan penuh keikhlasan dan kasih sayang demi untuk memastikan kanak-kanak spastik ini merasai nikmat kehidupan.

Sememangnya ini adalah satu pekerjaan yang mulia, justeru, cabaran dan kepayahan yang terpaksa dilalui oleh sukarelawan ini sering kali dipandang enteng.

Menurut Wan Zaleha, pada musim terdahulu, MAA menyingkap kisah kejayaan luar biasa dan menyayat hati sebilangan rakyat Malaysia, yang terdiri daripada ahli politik, ahli perniagaan, atlit, artis, arkitek juga bekas penagih dadah.

Kali ini, MAA beralih kepada individu dan NGO di Malaysia yang berbakti dan menyumbangkan banyak jasa kepada masyarakat tanpa mengira bangsa atau agama.

Program yang ditaja buat kali keduanya oleh Commerce International Merchant Bankers (CIMB) dan memulakan siaran sejak 3 Oktober lalu dan mendapat sambutan yang menggalakkan," katanya.

Episod bertajuk The Royal Professor, Ungku Aziz membuka tirai siarannya dan program ini akan berakhir dengan episod klimaks The Champion Leader, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Antara episod yang bakal dipaparkan pada minggu akan datang ialah Consumer Guardian - Fomca (15 November), Of Profit and Charity - SP Setia Foundation (22 November), A Blessing Pain-Margaret Gooi dan Jeyathesan Kulasinggam (29 November), Malaysian Scientists (6 Disember), A Remarkable Madness (13 Disember), Sinui Pai Nanek Sengik (20 Disember) dan The Champion Leader, Tun Dr. Mahathir Mohamad (27 Disember).

